

R B792 DEB  
MAHATHIR - KERETA  
(I)

1984

KUALA LUMPUR, 16 OKT. (BERNAMA) -- MALAYSIA MUNGKIN MENGGUNAKAN SATU TEKNOLOGI BARU YANG DIPINJAM DARI ITALI UNTUK KERETA TEMPATANNYA

- PROTON SAGA - MELALUI PENGGUNAAN PENCAIRAN ABUK LOGAM DALAM PEMBINAAN GIAR DAN KOMPONEN-KOMPONEN LAIN.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TERTARIK HATI DENGAN TEKNOLOGI TERSEBUT SEMASA LAWATAN RASMINYA KE ITALI BULAN LALU DAN AKAN MEMBINCANGKANNYA DENGAN HICOM MENGENAI KEMUNGKINAN MEMPERKENALKANNYA BAGI KERETA BUATAN MALAYSIA YANG AKAN MULAI KELUAR DARI KILANG PEMASANGNYA TAHUN DEPAN.

BERCAKAP KEPADA PARAPEMBERITA SETIBANYADRI TOKYO SELEPAS LAWATAN TIDAK RASMI EMPATHARI, BELIAU BERKATA TERDAPAT INDUSTRI-INDUSTRI TERTENTU YANG BOLEH MEMBANTU INDUSTRI JENTERA YANG ORANG-ORANG ITALI AGAK SANGGUP MEMINDAHKAN TEKNOLOGINYA KE MALAYSIA.

+SALAH SATU DARI TEKNOLOGI YANG BENAR-BENAR DIMINATI IALAH PENCAIRAN ABUK LOGAM- MEMBENTUK GIAR DAN LAIN-LAIN KOMPONEN MENGGUNAKAN ABUK LOGAM UNTUK PEMAMPATAN TINGGI.+

DR. MAHATHIR BERKATA SEMASA CUTINYA DI PERANCIS BELIAU MELAWAT PAMERAN MOTOKAR DAN KENDERAAN MOTOR DAN MENDAPAT BEBERAPA IDE YANG BELIAU AKAN MEMBINCANGKAN DENGAN HICOM UNTUK PROTON SAGA. -- LAGI  
2228MST 16 10 84

0982

R B793 DEB

MAHATHIR - KERETA 2 KUALA LUMPUR  
(I)

BELIAU BERKATA ORANG ITALI JUGA BERMINAT MEMBERI KEPADA MALAYSIA SATU LAGI TEKNOLOGI BARU YANG TIDAK DIGUNAKAN OLEH LAIN-LAIN NEGARA - MEMBINA KAPAL-KAPAL DARI KACA-SERABUT (FIBREGLASS) DENGAN MENGGUNAKAN MESIN KHAS.

BELIAU JUGA MEMPELAJARI MENGENAI INDUSTRI KAPAL TERBANG ITALI DAN KATANYA NEGARA INI AKAN MENDAPAT FAEDAH DARI KEMAHIRAN ORANG-ORANG ITALI DALAM PENGELENGGARAAN KAPAL TERBANG.

+TERDAPAT SEBILANGAN BENDA-BENDA YANG KITA BOLEH SAMA-SAMA MEMBUATNYA DENGAN MEREKA TERMASUK KEMUNGKINAN MEMBAIKPULIH KAPAL TERBANG DAN MEMULAKAN USAHASAMA DENGAN DEPO BAIKPULIH KAPAL TERBANG (AIROD);

BELIAU MENEKANKAN BAHWA TERDAPAT LAPANGAN-LAPANGAN YANG MUNGKIN DIMANA MALAYSIA BOLEH MEMPELAJARI DARI ITALI TETAPI ITU MASIH LAGI DI PERINGKAT AWAL. -- BERNAMA

2234MST 16 10 84